

Warta suku tahun yang menghubungkan penulis Bahasa dengan pekerja di pelayanan Kristian di Malaysia

## Kalimat "Allah" - Apa Yang Perlu Kita Ketahui

Baru-baru ini banyak kebingungan timbul ekoran dari kontravensi penggunaan kata Allah, termasuklah di kalangan umat Kristian sendiri. Bahkan ada yang mencadangkan agar kita berhenti menggunakan kata "Allah" dan menggantikannya dengan "Tuhan" sahaja untuk menyenangkan kerajaan, supaya dapat mengelakkan masalah.

Satu organisasi Kristian telah menggugurkan semua perkataan Allah daripada bahan penginjilan versi bahasa mereka. Bahkan apabila mengutip dari Alkitab, dengan sengaja mereka ubah kalimat "Allah" kepada "Tuhan" bila kata itu muncul. Yang lain pula telah menukar doa dan lagu-lagu untuk cuba tidak menyebut kalimat tersebut, tanpa mengambil kira izin daripada penulis atau penerbit.

Malangnya, mereka yang mengelakkan menggunakan kata Allah melakukannya kerana takut atau jahil. Majoriti daripada mereka adalah dari golongan bukan penutur Bahasa Malaysia atau bukan pengguna Alkitab Bahasa Malaysia/Indonesia.

Mengapa orang Kristian harus menentang pihak berkuasa hanya kerana satu perkataan itu? Itu adalah soalan yang salah. Seharusnya kita bertanya: Kenapa pihak berkuasa tidak boleh membenarkan orang Kristian untuk mengamalkan iman mereka tanpa gangguan yang tidak masuk akal, dan yang tidak mencampuri urusan sehingga mengeluarkan perintah kata-kata yang tidak boleh kita gunakan?

Hal ini lebih daripada sekadar kata. Biarkan satu hal menjadi jelas. Alasan mengapa kata itu digunakan

oleh Bumiputra dan umat Kristian berbahasa Melayu dan dalam Alkitab serta bahan penerbitan Kristian dalam Bahasa Malaysia adalah kerana ini adalah istilah yang benar dalam semua aspek - etimologi, teologi, liturgi, undang-undang, fakta dan sejarah.

Baru-baru ini, dalam *kes Herald vs Kerajaan*, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa *The Catholic Weekly* boleh menggunakan kalimat Allah. Keputusan kerajaan untuk menghentikan daripada penggunaan kata ini adalah "tidak berlandaskan undang-undang, tidak berperlembagaan, tidak rasional, tidak masuk akal dan batal dari segi perundangan."

**Dari segi undang-undang**, keputusan mahkamah mengatakan: "Setiap larangan penggunaan kata ini (Allah) adalah pelanggaran serius terhadap hak-hak berperlembagaan *The Herald*."

**Dari segi Fakta:** "... tidak ada bukti-bukti pertimbangan yang dibangkitkan dan ditentang oleh Menteri (Dalam Negeri) sebagai fakta yang benar ..."

**Dari segi etimologi, teologi, liturgi dan sejarah:** ... "perkataan "Allah" adalah kata dalam Bahasa Malaysia yang tepat untuk "Tuhan" (God)... dan "Lord" diterjemahkan sebagai "Tuhan"... Kata "Allah" telah digunakan secara berterusan dalam edisi cetak Injil Matius (sejak) 1629 ..."

**Dari segi tuntutan kerajaan bahawa penggunaan kata merupakan ancaman terhadap keselamatan**

Sepatah dua kata.



Shalom,

Terima kasih atas sokongan anda dalam pelayanan ini. Kami telah secara aktif menulis, menerbit dan mengedar buku-buku Kristian dalam BM sejak tahun lepas.

Ratusan dan ribuan buku (terutamanya siri **OBOR Remaja & OBOR Belia**) telah diedarkan di pedalaman Sabah dan Sarawak. Satu set buku telah diletakkan di sebuah kampung terpencil di Pitas untuk 20 belia di gereja mereka. Gereja ini hanya dapat dijangkau dengan berjalan kaki selama 8 jam merentasi bukit. Kami diberitahu bahawa orang kampung di sana hanya merasakan garam pada tahun 1986 kerana sebelum itu, mereka tidak ada hubungan dengan dunia luar.

Keperluan untuk bahan bacaan masih mendesak! Untuk terus memberi (masa, wang, tenaga dan doa) supaya lebih banyak buku dapat disebarkan di kawasan pedalaman.

Selamat membaca dan semoga tercabar dengan apa yang kami tuliskan.

*Berita Rakan Penabur* ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayanan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:  
Wawasan Penabur  
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, SELANGOR  
Fax: 03-7727 7271  
Email: [wawasan.penabur@gmail.com](mailto:wawasan.penabur@gmail.com)  
Website: [www.wawasanpenabur.org](http://www.wawasanpenabur.org)

Bank account: Public Bank, Cawangan Kelana Jaya,  
Account No. 3127674507

# Bahan Sumber

## Buku-buku dari Wawasan Penabur



OBOR Remaja & Belia ialah satu kurikulum sistematik yang mempunyai 30 buku untuk bahan pemuridan 5 tahun. Harga terjangkau dengan hanya RM 6 sebuah.



**Bahan Sunday School dalam BM**  
RM 8 satu dengan 20 pelajaran per buku!

Hubungi Alice & Selwyn (019-7550757/019-7735356)

**negara:** "Tidak pernah ada insiden yang tak diinginkan yang timbul dari penggunaan kata "Allah" selama 14 tahun The Herald menggunakan kata tersebut."

Jadi apa yang terjadi jika keputusan Mahkamah Tinggi dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan? Kita tidak dapat meramalkan apa yang akan atau boleh perundangan lakukan. Satu hal yang kita tahu: Kewenangan terakhir adalah kebenaran. Firman Allah adalah jelas: "... kebenaran akan membebaskanmu." (Yohanes 8:32).

Pemilihan istilah untuk orang Kristian berbahasa Melayu (BM) adalah sangat jelas. Jika kita semua boleh memahami hal ini, maka tidak akan ada kebingungan atas penggunaan kata Allah.

Sedikit pengenalan untuk pembicara "East Malaysia Awareness Seminar & Dialog":

- ❖ **Alfred Tais** – Setiausaha Eksekutif Komisi BM NECF. Dia mengimpikan gereja BM dan OA yang kuat di Malaysia baik dari segi Pengajaran Firman Allah, Misi & Penginjilan, Doa Praktikal, Kepemimpinan dan Pembangunan Ekonomi.
- ❖ **Maklin Masiu** – Pengerusi Persatuan Guru2 Kristian Sabah dan Majlis Gereja2 Pitas.
- ❖ **Bakar Mogot** – Pengerusi Komisi Orang Asli NECF. Seorang pastor dari suku Mahmeri di Sg. Pelek. Dia mengharapkan satu komuniti Orang Asli Kristian yang kuat di Semenanjung Malaysia.
- ❖ **Lim Heng Seng** – 30 tahun pengalaman dalam bidang perundangan yang telah membantu gereja melalui penelitian, penulisan dan pembicaraannya terutama tentang Perlembagaan Persekutuan.
- ❖ **Baru Bian** – Seorang aktivis pejuang hak tanah adat di Sarawak.
- ❖ **Stemmah Sariau** – Penulis dan penterjemah pedoman Harian RBC. 25 tahun pengalaman dalam penterjemahan Alkitab Bahasa Malaysia, Dusun, Murut Tagal & Biatah.
- ❖ **Phua Seng Tiong** – Pastor dan motivator. Pengetua Cemerlang & Tokoh Guru Kebangsaan. Ingin melihat umat Kristian berbahasa Malaysia yang kuat dan teguh imannya.

# EAST MALAYSIA A W A R E N E S S

Seminar, Dialog & Persembahan Kebudayaan  
1hb Mei 2010 (Sabtu), Sungei Way-Subang Methodist Church, PJ



Sejak kebelakangan ini, komuniti Kristian berbahasa Malaysia menghadapi banyak cabaran dan percubaan. Bagaimana larangan penggunaan beberapa istilah telah mempengaruhi gereja BM dan cara kita menuliskan? Sebagai umat Tuhan di negara ini, apa yang harus kita lakukan dengan kekurangan Alkitab dan bahan-bahan cetak Kristian dalam BM? Apakah respon kita terhadap ratusan orang Sabah dan Sarawak yang merampat di KL? Bagaimana kita pasti kita melakukan apa yang benar?

**Pembicara & Ahli Panel :**  
Alfred Tais (Setiausaha Eksekutif, Komisi BM, NECF)  
Maklin Masiu (Pengerusi, Persatuan Guru-guru Kristian Sabah)  
Bakar Mogot (Pengerusi, Komisi Orang Asli, NECF)  
Lim Heng Seng (Peguam, Penulis & Penterjemah)  
Baru Bian (Pejuang Hak Tanah Pribumi Sarawak)  
Stemmah Sariau (Penulis & Penterjemah)

"Hai man usia, telah diberitahukan kepadamu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut TUHAN dari padamu: selain berlaku adil, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?" (Mikha 6:8)

Dianjurkan oleh:



## Pengumuman Khas

- ◆ **1hb Mei 2010**  
"East Malaysia Awareness: Seminar, Dialog & Persembahan Kebudayaan", anjuran bersama wawasan Penabur & Komisi BM NECF, 9AM – 10PM, di Gereja Sungei Way-Subang Methodist, (SSMC) PJ.

Layari website kami untuk maklumat lanjut.  
**JANGAN SAMPAI KETINGGALAN!!**